



كمتريڤ كبورايان بليادان سوكڤ  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## KENYATAAN MEDIA

### PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN UJIAN KAWALAN DOPING LUAR PERTANDINGAN (OUT-OF-COMPETITION TESTING)

1. Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam (BDADC), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan bahawa Sampel Pengujian Kawalan Doping Luar Pertandingan (*Out-of-Competition Testing*) yang diambil oleh pihak BDADC sebelum Kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA Games, Phnom Penh 2023) telah didapati positif atau *Adverse Analytical Finding* (AAF).
2. Pengesahan Keputusan Ujian telah diterima dari Makmal Anti-Doping, Doha, Qatar (ADLQ) bagi analisis sampel atlet badminton berkenaan dan dilaporkan penemuan bahan terlarang (*prohibited substances*) dalam sampel berkenaan iaitu **Anabolic Androgenic Steroids (AAS) di bawah kelas S1.1 - Drostanolone** yang merupakan bahan yang disenaraikan dalam senarai bahan yang dilarang penggunaannya di dalam dan di luar waktu pertandingan oleh *World Anti Doping Agency* (WADA).
3. Berikutan itu, setelah melaksanakan siasatan yang terperinci dan telus, maka Jawatankuasa Pengurusan Keputusan BDADC membuat keputusan bahawa **atlet yang terlibat adalah digantung daripada sebarang penyertaan sukan sebarang kejohanan rasmi diperingkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa samada di dalam atau luar negara termasuk mengikuti sebarang latihan mahupun melatih atlet dalam Sukan Badminton bagi tempoh empat (4) tahun. Walaubagaimanapun, atas kerjasama dan pengakuan awal atlet tersebut berkenaan kes ini, tempoh penggantungan tersebut dikurangkan satu (1) tahun menjadikan tempoh penggantungan beliau menjadi tiga (3) tahun bermula 24 Jun 2023 hingga 24 Jun 2026. Disamping itu segala medal kemenangan, kutipan mata (*points*) dan hadiah kemenangan akan di tarik balik.**
4. Prinsip kebertanggungjawaban mutlak (*Principle of Strict Liability*) adalah berkaitan dengan atlet tersebut. Ini bermakna atlet tersebut bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bahan yang terdapat dalam sampel urin yang diambil semasa pengujian kawalan doping, tidak kira sama ada atlet itu secara sengaja

5. atau tidak sengaja menggunakan bahan atau kaedah terlarang. Oleh itu, adalah penting bagi setiap atlet dan kakitangan sokongan atlet mengetahui peraturan dan memahami tanggungjawab mereka di bawah Kod Anti-Doping Dunia (*World Anti-Doping Code*).
  
6. Seterusnya, berdasarkan kepada Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam 2021 dan *International Standard for Results Management (ISRM)*, Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam juga dikehendaki untuk membayar balik kemudahan yang telah diberikan kepada atlet atas perbelanjaan kerajaan semasa menyertai kejohanan Sukan Asia Tenggara, SEA Games, Phnom Penh, Cambodia 2023 iaitu :
  - a. **Elaun sara hidup sebanyak \$ 300.00**
  - b. **Tiket penerbangan sebanyak \$ 1,930.00**
  
6. Dikesempatan ini, pihak BDADC sukacita ingin menyeru kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam sukan untuk sentiasa berwaspada mengenai dengan perkara-perkara yang boleh melibatkan doping di dalam sukan.

- TAMAT -

Disediakan oleh  
JAWATANKUASA ANTI-DOPING BRUNEI DARUSSALAM (BDADC)  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
September 2023